

# Siswa UMS johan Pertandingan Pidato Kemerdekaan Mahasiswa IPTA/IPTS

NS 1 15/09/2014 8

KOTA KINABALU: Siswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) Jufazli Sheih Ahmad, dinobatkan johan dalam Pertandingan Pidato Kemerdekaan Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Awam/ Swasta (IPTA/S), di Dewan Resital UMS, di sini, kelmarin.

Dengan kemenangan itu beliau menerima hadiah wang tunai RM1,000, piala pusingan, piala kemenangan dan sijil penyertaan.

Manakala tempat kedua dimenangi oleh Md.Fikri Md Jumat, pelajar Politeknik Kota Kinabalu dan tempat ketiga Mohd Alif Othman dari UMS. Mereka masing-masing menerima hadiah wang tunai RM700 dan RM500, piala dan sijil penyertaan.

Kesemua hadiah itu disampaikan oleh Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Bobbey Suan yang mewakili Timbalan Ketua Menteri Datuk Seri Yahya Hussin.

Pertandingan pidato itu disertai enam IPTA dan IPTS di Sabah iaitu UMS, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sabah, Politeknik Kota Kinabalu, Unitar, Masterskill dan Kolej Yayasan Sabah.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr.Kamaruzaman Hj.Ampang berkata, penganjuran pertandingan pidato seumpama itu amat bertepatan dalam usaha memupuk semangat patriotik dalam kalangan generasi muda.

“Di samping itu, ia menjadi medan terbaik dalam membantu usaha kerajaan mengekalkan seterusnya mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

“Saya percaya, melalui penganjuran seumpama ini, sekali-gus menyuntik semangat patriotik ke dalam jiwa kita untuk lebih menghargai kemerdekaan dan sumbangan para pejuang negara masa dahulu,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapannya yang disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS Prof. Madya Dr. Kasim Md Mansur.

Kamaruzaman berkata, kemerdekaan bukan sahaja bermak-sud bebas daripada belenggu penjajah tetapi bererti bebas daripada pemikiran yang sempit dan sentiasa mempunyai keinginan yang kuat untuk bangkit memajukan diri sendiri, agama, bangsa dan negara.

“Sejarah banyak mengajar kita supaya tidak mengulangi kesilapan lampau. Masa lalu sejarah yang pasti, masa kini sejarah yang bakal terjadi dan masa depan sejarah yang menanti,” katanya.

Oleh itu katanya, amat penting bagi generasi muda terus dihidangkan dengan kisah-kisah masa lalu bagi menjadikan mereka sentiasa peka dan prihatin akan pentingnya memiliki sebuah negara yang teguh. - OLEH MARRYAN RAZAN ([marryan@newsabahtimes.com.my](mailto:marryan@newsabahtimes.com.my))



TAHNIAH ... Bobbey (tengah) menyampaikan hadiah kepada Jufazli, turut kelihatan Dr.Kasim.